

14/07/2000

PM tidak pernah arah BPR henti siasatan

reports on "Dewan Rakyat" by Zulkofli Jamaludin; Magendran Rajagopal  
KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah  
mengarahkan bekas Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Shafee  
Yahya, menghentikan atau menutup siasatan terhadap bekas Ketua Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman.

Malah, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah  
Embas, berkata siasatan itu kini teruskan oleh Ketua Pengarah BPR, Datuk  
Ahmad Zaki Husin.

"Ini menunjukkan kes itu tidak pernah ditutup," katanya ketika menjawab  
ucapan penangguhan Abd Rahman Yusof (Pas-Kemaman), yang mendakwa BPR tidak  
bebas meneruskan penyiasatan berikutan arahan Perdana Menteri  
menghentikannya.

Beliau berkata, dakwaan ada penyalahgunaan kuasa dan usaha melindungi  
rasuah serta menghalang perjalanan proses keadilan adalah tidak  
bertanggungjawab serta melulu.

Bagaimanapun, katanya, pihak tertentu membuat aduan polis mengenai  
keterangan Shafee di mahkamah.

"Polis masih menjalankan siasatan terhadap aduan itu. Oleh itu sebarang  
perbincangan berhubung perkara ini akan menjadi subjudice," katanya.

Douglas berkata, kebebasan badan itu menyiasat terbukti apabila  
kepemimpinan tertinggi kerajaan, termasuk di peringkat pusat dan negeri  
sudah dihadap ke mahkamah serta dijatuhi hukuman.

"Kebebasan BPR menjalankan tugas dan siasatan tidak pernah terjejas  
akibat teguran, kritikan dan nasihat mana-mana pihak, termasuk oleh  
Perdana Menteri sendiri," katanya.

Malah, katanya, Dr Mahathir sendiri mengingatkan BPR supaya lebih  
berhati-hati dan bertindak secara profesional kerana penyiasatan BPR  
adalah sensitif dan terdapat keadaan isu-isu rasuah boleh dipolitikkan  
oleh sesetengah pihak yang mempunyai agenda tertentu.

Semalam Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Mohd Noor, mengemukakan usul  
untuk menangguhkan mesyuarat Dewan Rakyat bagi membincangkan dakwaan  
rasuah terhadap Dr Mahathir.

Bagaimanapun, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail,  
ketika menolak usul itu berkata perkara berkenaan tidak perlu disegerakan  
kerana polis sedang mengadakan siasatan.

Mahkamah Tinggi dalam perbicaraan kes liwat bekas Timbalan Perdana  
Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, diberitahu saksi pembela, Shafie,  
bahawa beliau dihalang daripada melakukan siasatan selepas dimarahi  
Perdana Menteri.

Douglas berkata, BPR adalah badan yang ditubuh untuk mencegah dan  
mambanteras segala bentuk jenayah rasuah secara tegas dan adil, tanpa  
prasangka mengikut undang-undang.

Pelaksanaan itu dibuat bagi memastikan risikan dan siasatan setiap kes  
perlakuan rasuah dijalankan secara teliti, menyeluruh dan objektif.

Beliau berkata, BPR juga adalah sebuah badan bebas untuk menyiasat  
sesiapa saja mengikut kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Kebebasan BPR untuk menyiasat itu termaktub mengikut Seksyen 8 Akta  
Pencegahan Rasuah 1997.

Mengikut akta itu: Adalah menjadi kewajipan Ketua Pengarah dan pegawai  
badan untuk menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang perlakuan  
kesalahan adi bawah akta ini dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana  
yang difikirkan praktik oleh Ketua Pengarah dan pegawai.

( END )